

SOALAN NO. : 129

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN BUKAN LISAN**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : Datuk Rozman bin Isli [Labuan]

RUJUKAN : DN08

SOALAN :

Datuk Rozman bin Isli [Labuan] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah usaha-usaha Kerajaan dalam kajian dan pembangunan bagi memastikan zon penampungan sungai (*river buffer zone*) di Malaysia berada di tahap yang baik.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) melalui Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM) aktif menjalankan pelbagai kajian penyelidikan, pembangunan dan pengkormesialan (*Research, Development and Commercialization, R & D and C*) bagi memastikan pengurusan yang berterusan untuk zon penamparan sungai (*river buffer zones*) serta mengekalkan ekosistem persekitaran sungai yang sihat dan mampan di Malaysia.

Selain daripada itu NRE melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia sentiasa memastikan zon penamparan sungai (*river buffer zones*) di Malaysia berada di tahap yang baik melalui garispanduan pembangunan seperti Garis Panduan Melibatkan Sungai Dan Rizab Sungai dan Garis Panduan Pembangunan Berhadapan sungai.

Sekian, terima kasih .